

- Anda mempunyai penyakit lain seperti tekanan darah tinggi, masalah jantung (terutamanya denyutan jantung yang tidak teratur), penyakit Parkinson, susah membuang air kencing atau pembesaran prostat, glaukoma, sejarah barah payudara, sejarah sawan dan masalah buah pinggang atau hati.
- Anda sedang hamil atau merancang untuk hamil atau sedang menyusu badan kepada anak anda.

Elakkan daripada dedahan cahaya matahari yang terik semasa anda mengambil ubat ini. Gunakan bahan penapis cahaya matahari semasa di luar.

Jumpa doktor anda dengan segera jika keadaan yang berikutnya berlaku selepas anda mengambil ubat:

- Demam tinggi, otot kaku dengan banyak peluh; atau
- Denyutan jantung yang tidak teratur; atau
- Sawan

Bagaimana saya harus **MENYIMPAN ubat ini?**

Simpan ubat ini di tempat yang dingin dan kering. Lindung daripada kelembapan, haba dan cahaya matahari secara langsung.



Buangkan semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau tidak diperlukan lagi

Risalah Maklumat Untuk Pesakit



Ubat Untuk Merawat Penyakit Otak

Medicine To Treat Mental Disorders

Risperidone • Olanzapine • Quetiapine

MENGENAI ubat anda

Doktor anda telah memberikan anda ubat yang merawat simptom-simptom penyakit otak.

Ubat ini bertindak dengan mengurangkan pengaliran sesetengah pemancar saraf (neurotransmitter) dalam otak. Dengan itu, ia membantu untuk mengawal simptom-simptom penyakit otak seperti kekurangan upaya untuk menunjukkan emosi, kurang tenaga, penyakit pemikiran, kekhayalan, pengeliruan dan sebagainya.

BAGAIMANA cara saya mengambil ubat?

Doktor anda akan mengarahkan anda berapa banyak dan berapa kerap anda patut mengambil ubat ini. Dos anda mungkin perlu ditukar beberapa kali pada mulanya untuk mendapatkan dos berfungsi yang paling baik untuk anda. Jangan mengambil ubat ini dengan berlebihan atau lebih kerap daripada yang diberitahu oleh doctor anda.

Ubat ini boleh diambil dengan atau tanpa makanan. Jangan berhenti mengambil ubat dengan mendadak tanpa meminta nasihat doktor anda.

Jika anda telah diberikan bentuk dos cecair untuk ubat risperidone, sukat dos anda secara berhati-hati dengan menggunakan tub (pipet) khas yang datang bersama-sama dengan ubat anda. Anda boleh campurkan dos dengan air, susu berlemak rendah, kopi atau jus oren. Jangan campurkan dengan kola atau teh. Ubat ini harus diambil dalam masa 4 jam selepas dicampur.

Buangkan semua ubat yang sudah melebihi tarikh luput atau tidak diperlukan lagi

Apakah yang patut saya lakukan jika SAYA TERLUPA makan satu dos?

Jika anda terlupa makan satu dos, ambil dos ini dengan segera sebaik sahaja anda ingat. Bagaimanapun, jika sudah sampai masa untuk dos yang berikutnya, biarkan sahaja dos yang terlupa diambil dan teruskan dengan dos yang berikutnya mengikut jadual waktu pengambilan ubat. Jangan gandakan dos untuk mengantikan dos yang terlupa dimakan itu.

Apakah KEMUNGKINAN KESAN SAMPINGAN pengambilan ubat ini?

1. Pergerakan otot yang luar kawal

Ubat ini mungkin menyebabkan kesan sampingan termasuk kejang otot, getaran, tarikan pada muka dan badan serta pergerakan di luar kawalan pada lidah, muka dan rahang. Beritahu doktor anda jika anda mengalami sebarang pergerakan di luar kawalan.

2 Mengantuk & pening

Ubat boleh menyebabkan anda rasa mengantuk dan pening. Berhati-hati jika anda sedang memandu kereta atau menggunakan mesin. Elakkan minum alkohol.

3. Kesan-kesan sampingan lain

Ubat ini mungkin menyebabkan kesan sampingan seperti kekaburuan penglihatan, sembelit dan kekeringan pada mulut. Beritahu doktor anda jika anda mempunyai masalah dengan kesan sampingan tersebut.

Apa LANGKAH BERJAGA-JAGA yang patut saya ambil?

Sebelum mengambil ubat, beritahu doktor anda jika:

- Anda ada alergi terhadap ubat ini atau ubat-ubatan yang lain.
- Anda sedang ambil ubat-ubatan yang lain.

Simpan semua ubat di tempat yang jauh daripada kanak-kanak